

# Perhatian khusus kepada isu penipuan dalam talian sejak 2022: Hajiji

KETUA Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata pelbagai tindakan telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi mengawal kes penipuan yang semakin meningkat.

Di pihak Kerajaan Persekutuan, beliau berkata tindakan itu termasuk mengajurkan kewaspadaan kesedaran jenayah komersial, mewujudkan portal SemakMule (<https://semakmule.rmp.gov.my/>) dan mengajurkan Jelajah Anti-Scam Peringkat Negeri 2023.

"Sebuah drama bersiri televisyen, Cyber999 Docudrama, berdasarkan 26 kisah benar, menggambarkan pelbagai modus operandi jenayah siber dan insiden berkai-

tan keselamatan siber.

"Siri ini disiarkan dari Mac hingga Mei 2023 di TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Penerbitan drama ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran penonton agar tidak terpedaya dan menjadi mangsa scam, serta mengekang perkhidmatan SMS penipuan," katanya.

Bagi Kerajaan Negeri pula, Ketua Menteri berkata perhatian khusus diberikan kepada isu penipuan dalam talian sejak 2022, menerusi Program Kesedaran Awam Mengenai Jenayah Siber Dalam Kalangan Penjawat Awam.

"Setakat ini enam program telah dilak-



sanakan di Keningau, Sandakan, Tawau dan Kota Kinabalu melibatkan kira-kira 700 penjawat awam."

Tambahnya, perancangan juga sedang dibuat untuk mengembangkan inisiatif ini kepada orang ramai melalui usaha sama dengan rakan kongsi strategik.

"Secara keseluruhannya, sejak 2022, Kerajaan Negeri telah melaksanakan 15 latihan atau program kesedaran berkaitan keselamatan siber," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Adun Dilantik Datuk Seri Yong Teck Lee pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) yang baru selesai di Kota Kinabalu.

Terdahulu, Ketua Menteri berkata Sabah merekodkan sebanyak 4,595 kes penipuan sepanjang tempoh tiga tahun lepas.

Terdapat 1,169 kes dilaporkan pada 2021, 1,206 pada 2022 dan 1,818 pada 2023, katanya sambil menambah sehingga Mac tahun ini, 402 kes penipuan telah dilaporkan.

Hajiji berkata penipuan pembelian dalam

talian mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 1,818, diikuti penipuan telefon (1,296), pinjaman tidak wujud (596), pelaburan (586), love scam (118) dan kesalahan di bawah Akta Jenayah Komputer (181).

"Jumlah aduan juga menunjukkan trend yang meningkat setiap tahun, fenomena yang berlaku di seluruh dunia, termasuk di negara kita," katanya.

Tambahnya, aktiviti penipuan sama ada dalam atau luar talian adalah di bawah bidang kuasa polis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi berkaitan, bergantung kepada jenis penipuan yang dilakukan.